

30 ladang jadi pembekal kepada penyeludup

# Kedah lubuk ketum

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** – Polis mengenal pasti terdapat kira-kira 30 ladang tanaman ketum di seluruh negeri ini yang dipercayai diusahakan untuk dijual kepada penyeludup.

Ketua Polis Kedah, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, pihaknya giat memantau aktiviti penyalahgunaan tumbuhan tersebut yang disiasat mengikut Akta Racun 1952.

“Hampir setiap hari polis membuat tangkapan membatikan daun ketum yang dibawa keluar dari ladang-ladang yang telah dikenal pasti.

“Setakat ini, terdapat kira-kira 30 ladang ketum di negeri ini. Menanam ketum tidak salah, na-

mun adalah menjadi kesalahan sekiranya membawa ketum,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Hasanuddin, pihaknya sentiasa peka dan akan menangkap mana-mana individu yang didapati membawa daun ketum.

Jelas beliau, dalam tangkapan terbaharu, pihaknya merampas sebanyak 1.3 tan daun ketum yang dibawa dari Sik dekat sini ke Kelantan baru-baru ini.

Justeru, beliau menasihatkan penduduk di negeri ini supaya tidak terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan ketum.

“Apatah lagi minuman ketum yang dicampur dengan bahan-bahan lain yang dikhuatiri boleh

mendatangkan mudarat,” katanya.

*Kosmo!* pada 7 September lalu melaporkan polis menahan empat lelaki bersama 1.3 tan daun ketum dalam sekatan di Kilometer 9, Jalan Raya Timur-Barat Gerik-Jeli berhampiran Sungai Lebey, Gerik.

Pemeriksaan ke atas trak pikap jenis Isuzu D-Max dan kenderaan pelbagai guna Chery Eastar menjumpai sebanyak 133 bungkusan berisi daun ketum bernilai RM13,000.

Kesemua suspek dari Kelantan memandu lebih 300 kilometer ke Kedah untuk mendapatkan daun ketum dan diberi upah RM300 hingga RM500 untuk mengambil tumbuhan itu.

INILAH tanaman ketum yang dijumpai polis di Padang Terap, Kuala Nerang pada 2018.

